



21 Julai 2017
21 July 2017
P.U. (A) 203

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN)
(NO. 3) 2017

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2017**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2015.

Tafsiran

2. (1) Dalam Perintah ini, “syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan atau disifatkan didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] yang bermastautin di Malaysia.

(2) Kecuali bagi subperenggan 4(1) dan (3), perenggan 46 dan 55 Jadual 3 kepada Akta hendaklah terpakai berhubung dengan apa-apa sebutan mengenai “dilakukan” dalam Perintah ini, dan perkataan “melakukan” hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Perbelanjaan modal yang layak

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah perbelanjaan modal yang berikut yang dilakukan oleh suatu syarikat yang layak berhubung dengan suatu bangunan atau peralatan perubatan yang digunakan di Malaysia semata-mata bagi maksud projek yang layak yang disebut dalam subperenggan 4(2) —

(a) berhubung dengan bangunan, kos pembelian atau pembinaan bangunan baharu, atau kos pengubahsuaian atau pembaharuan bangunan sedia ada, yang bangunan itu mengikut piawaian yang dikehendaki di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan

Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*], dan penubuhan, penyenggaraan dan pengendalian bangunan itu sebagai suatu kemudahan jagaan kesihatan swasta telah diluluskan dan dilesenkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998; dan

- (b) berhubung dengan peralatan perubatan, kos perbelanjaan bagi peralatan perubatan yang setiap satu berharga lebih daripada lima puluh ribu ringgit dan peralatan perubatan itu telah ditentusahkan oleh Menteri Kesihatan sebagai berkaitan dengan projek yang layak.

(2) Perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam subperenggan (1) tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bangunan yang digunakan sebagai tempat kediaman yang disediakan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau individu yang merupakan anggota pihak pengurusan atau pentadbiran, atau pekerja, syarikat yang layak.

Pengecualian

4. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu projek yang layak yang disebut dalam subperenggan (2), yang bersamaan dengan amaun perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat yang layak itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Projek yang layak yang disebut dalam subperenggan (1) ialah—

- (a) suatu perniagaan membekalkan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta di suatu kemudahan jagaan kesihatan swasta baharu; atau
- (b) suatu projek pembesaran, pemodenan atau pembaharuan perniagaan membekalkan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang sedia ada,

yang diluluskan oleh Menteri Kesihatan dan berdaftar dengan Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia.

(3) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) adalah bagi tempoh lima tahun berturut-turut bermula dari tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama dilakukan oleh syarikat yang layak, sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

(4) Bagi maksud subperenggan (3)—

(a) tarikh yang ditentukan berhubung dengan projek yang layak yang disebut dalam subsubperenggan (2)(a)—

(i) tidak boleh lebih awal dari 1 Januari 2015; dan

(ii) tertakluk kepada subsubsubperenggan (i), tidak boleh lebih awal dari tiga tahun sebaik sebelum tarikh permohonan pengecualian diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia; atau

(b) tarikh yang ditentukan berhubung dengan projek yang layak yang disebut dalam subsubperenggan (2)(b) tidak boleh lebih awal dari tarikh permohonan pengecualian diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

(5) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi—

(a) permohonan pengecualian yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada atau selepas 1 Januari 2015 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2017 dan permohonan itu telah diluluskan oleh Menteri;

(b) syarikat yang layak yang—

(i) berhubung dengan projek yang layak yang disebut dalam subsubperenggan (2)(a), belum menjalankan perniagaan membekalkan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta pada tarikh permohonan pengecualian diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia; atau

(ii) berhubung dengan projek yang layak yang disebut dalam subsubperenggan (2)(b), belum melakukan apa-apa perbelanjaan modal yang layak ke atas projek yang layak itu pada tarikh permohonan pengecualian diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia; dan

(c) syarikat yang layak yang tidak pernah diberikan apa-apa pengecualian di bawah Perintah ini atau Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2012 [*P.U. (A) 22/2012*].

(6) Pengecualian di bawah subperenggan (1) adalah tertakluk kepada—

(a) bilangan pelancong kesihatan yang mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta daripada projek yang layak itu ialah sekurang-kurangnya lima peratus daripada jumlah pesakit daripada projek yang layak itu bagi setiap tahun taksiran; dan

(b) sekurang-kurangnya lima peratus daripada pendapatan kasar syarikat yang layak itu daripada projek yang layak itu dijana daripada pelancong kesihatan bagi setiap tahun taksiran.

(7) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain, di bawah Akta.

(8) Perkhidmatan jagaan kesihatan yang disebut dalam subperenggan (2), (5) dan (6) ialah perkhidmatan jagaan kesihatan yang ditentukan oleh Menteri.

(9) Dalam perenggan ini—

“kemudahan jagaan kesihatan swasta” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998;

“Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia” ertinya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [*Akta 397*];

“Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia” ertinya suatu majlis yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 bagi maksud membangunkan dan mempromosikan industri pelancongan kesihatan di Malaysia;

“pelancong kesihatan” ertinya individu yang menerima perkhidmatan jagaan kesihatan swasta di Malaysia yang merupakan—

(a) bukan warganegara Malaysia yang menyertai program *Malaysia My Second Home* dan tanggungannya;

(b) pegawai dagang bukan warganegara Malaysia yang memegang permit kerja Malaysia dan tanggungannya; atau

(c) bukan warganegara Malaysia yang melawat Malaysia;

“perkhidmatan jagaan kesihatan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998;

“perkhidmatan jagaan kesihatan swasta” ertinya apa-apa perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh suatu kemudahan jagaan kesihatan swasta.

Pendapatan berkanun

5. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 4(1) dalam tempoh asas untuk setiap tempoh pengecualian hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat.

(2) Jika suatu aset digunakan bagi maksud suatu projek yang layak juga digunakan bagi maksud suatu projek selain projek yang layak, maka amaun elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta hendaklah dipotong sebagaimana munasabah dengan mengambil kira setakat yang aset itu digunakan bagi maksud projek yang layak itu.

(3) Jika pengecualian diberikan kepada suatu syarikat yang layak di bawah subperenggan 4(1) bagi suatu tahun taksiran, suatu amaun yang bersamaan dengan amaun elaun yang disebut dalam subperenggan 4(1) hendaklah dikecualikan daripada cukai bagi tahun taksiran itu.

(4) Jika, oleh sebab ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun, pengecualian tidak boleh diberikan atau tidak boleh diberikan sepenuhnya sebagaimana yang syarikat yang layak itu berhak di bawah subperenggan 4(1) bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak daripada pendapatan berkanun yang berkenaan dengannya pengecualian tidak boleh diberikan bagi tahun taksiran itu, hendaklah diberikan pengecualian bagi tahun taksiran pertama yang berikutnya bagi tempoh asas yang syarikat yang layak itu mempunyai pendapatan berkanun daripada projek yang layak itu, dan bagi tahun atau tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehinggalah pengecualian diberikan berkenaan dengan keseluruhan pendapatan berkanun sebagaimana yang syarikat yang layak itu berhak di bawah subperenggan 4(1).

Pelupusan aset dalam tempoh lima tahun

6. Jika perbelanjaan modal yang layak dilakukan oleh syarikat yang layak ke atas aset yang digunakan bagi maksud suatu projek yang layak dan aset itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun dari tarikh perolehan aset itu, pengecualian yang diberikan berkenaan dengan amaun pendapatan berkanun yang bersamaan dengan amaun elaun bagi perbelanjaan modal yang layak itu hendaklah ditarik balik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang aset itu dilupuskan.

Penentuan perbelanjaan modal yang layak bagi aset yang dilupuskan kepada syarikat berkaitan

7. (1) Jika syarikat yang layak melupuskan kepada syarikat berkaitannya apa-apa aset yang berkenaan dengannya pengecualian dipohon oleh syarikat yang layak itu di bawah Perintah ini, amaun perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat berkaitan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu jumlah yang bersamaan dengan sifar.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), “syarikat berkaitan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327].

Penarikan balik pengecualian

8. (1) Menteri boleh menarik balik pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 4(1) sekiranya syarikat yang layak itu gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian itu.

(2) Jika pengecualian ditarik balik mengikut subperenggan (1), pengecualian yang diberikan berkenaan dengan apa-apa amaun pendapatan berkanun di bawah subperenggan 4(1) hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada syarikat yang layak itu.

Punca berasingan dan akaun berasingan

9. (1) Jika syarikat yang layak menjalankan suatu projek yang layak dan projek selain projek yang layak, setiap projek hendaklah dikira sebagai suatu punca berasingan dan berlainan bagi projek itu.

(2) Syarikat yang layak yang diberikan pengecualian di bawah subperenggan 4(1) hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap projek yang disebut dalam subperenggan (1).

Ketidakpakaian

10. Perintah ini tidak terpakai bagi syarikat yang layak yang dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu—

- (a) telah membuat tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
- (b) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 berkenaan dengan projek yang layak yang sama;
- (c) telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta berkenaan dengan projek yang layak yang sama; atau
- (d) telah membuat tuntutan bagi potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—
 - (i) elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;
 - (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*];
 - (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos yang berhubungan dengan Latihan untuk Pekerja bagi Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan) 2014 [*P.U. (A) 334/2014*]; atau

- (iv) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [*P.U. (A) 336/2014*].

Dibuat 14 Julai 2017

[Perb. 0.3865/G/17 JLD.3; LHDN. 01/35/(S)/42/51/82-71; PN(PU2)80/LXXXVII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 3) Order 2017**.

(2) This Order is deemed to have come into operation from the year of assessment 2015.

Interpretation

2. (1) In this Order, “qualifying company” means a company which is incorporated or deemed to be registered under the Companies Act 2016 [Act 777] which is resident in Malaysia.

(2) Except for subparagraphs 4(1) and (3), paragraphs 46 and 55 of Schedule 3 to the Act shall apply in relation to any reference to “incurred” in this Order, and the word “incurs” shall be construed accordingly.

Qualifying capital expenditure

3. (1) Subject to subparagraph (2), a qualifying capital expenditure referred to in this Order is the following capital expenditure incurred by a qualifying company in relation to a building or medical device used in Malaysia solely for the purpose of a qualifying project mentioned in subparagraph 4(2)—

(a) in relation to a building, the cost of purchasing or constructing a new building, or the cost of the modification or refurbishment of the existing building, the building being in accordance with the standards required under the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 [Act 586], and the establishment, maintenance and operation of the

building as a private healthcare facility has been approved and licensed by the Director General of Health, Malaysia under the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998; and

(b) in relation to the medical device, the cost of expenditure for the medical device each of which costs more than fifty thousand ringgit and the medical device has been verified by the Minister of Health as related to the qualifying project.

(2) The qualifying capital expenditure referred to in subparagraph (1) shall not include capital expenditure incurred on any building used as living accommodation which is provided wholly or partly for the use of a director or an individual who is a member of the management or administration, or an employee, of the qualifying company.

Exemption

4. (1) The Minister exempts a qualifying company in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of statutory income derived from a qualifying project referred to in subparagraph (2), which is equivalent to the amount of qualifying capital expenditure incurred by that qualifying company in the basis period for that year of assessment.

(2) The qualifying project referred to in subparagraph (1) is—

(a) a business of providing private healthcare services at a new private healthcare facility; or

(b) a project of expansion, modernization or refurbishment of the existing business of providing private healthcare services,

which has been approved by the Minister of Health and registered with the Malaysia Healthcare Travel Council.

(3) The exemption referred to in subparagraph (1) shall be for a period of five consecutive years commencing from the date of the first qualifying capital expenditure incurred by the qualifying company, as determined by the Malaysian Investment Development Authority.

(4) For the purpose of subparagraph (3)—

(a) the date determined in relation to the qualifying project referred to in subparagraph (2)(a)—

(i) shall not be earlier than 1 January 2015; and

(ii) subject to subparagraph (i), shall not be earlier than three years immediately preceding the date of application for exemption is received by the Malaysian Investment Development Authority; or

(b) the date determined in relation to the qualifying project referred to in subparagraph (2)(b) shall not be earlier than the date of application for exemption is received by the Malaysian Investment Development Authority.

(5) The exemption under subparagraph (1) shall apply to—

(a) an application for exemption which is received by the Malaysian Investment Development Authority on or after 1 January 2015 but not later than 31 December 2017 and such application has been approved by the Minister;

(b) a qualifying company which—

(i) in relation to the qualifying project referred to in subparagraph (2)(a), has not undertaken a business of

providing private healthcare services on the date the application for exemption is received by the Malaysian Investment Development Authority; or

(ii) in relation to the qualifying project referred to in subsubparagraph (2)(b), has not incurred any qualifying capital expenditure on the qualifying project on the date the application for exemption is received by the Malaysian Investment Development Authority; and

(c) the qualifying company which has not been granted any exemption under this Order or the Income Tax (Exemption) Order 2012 [P.U. (A) 22/2012].

(6) The exemption under subparagraph (1) is subject to—

(a) the number of the health traveller who receive the private healthcare services from the qualifying project is at least five per cent of the total patients from the qualifying project for each year of assessment; and

(b) at least five per cent of the gross income of the qualifying company from the qualifying project is generated from the health traveller for each year of assessment.

(7) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or deemed to have absolved the qualifying company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information, under the Act.

(8) The healthcare services referred to in subparagraphs (2), (5) and (6) shall be the healthcare services as determined by the Minister.

(9) In this paragraph—

“private healthcare facility” has the same meaning assigned to it under the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998;

“Malaysian Investment Development Authority” means the Malaysian Investment Development Authority established under section 3 of the Malaysian Investment Development Authority (Incorporation) Act 1965 [*Act 397*];

“Malaysia Healthcare Travel Council” means a council incorporated under the Companies Act 2016 for the purpose of developing and promoting the health travel industry in Malaysia;

“health traveller” means an individual who receives private healthcare services in Malaysia who is—

- (a) a non-Malaysian citizen who participates in the *Malaysia My Second Home* programme and his dependants;
- (b) an expatriate who is a non-Malaysian citizen holding a Malaysian work permit and his dependants; or
- (c) a non-Malaysian citizen who visits Malaysia;

“healthcare services” has the same meaning assigned to it under the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998;

“private healthcare services” means any healthcare services provided by a private healthcare facility .

Statutory income

5. (1) Subject to subparagraph (2), the statutory income referred to in subparagraph 4(1) in the basis period for each of the exemption period shall be

determined after deducting the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made.

(2) Where an asset is used for the purpose of a qualifying project is also used for the purpose of a project other than a qualifying project, then the allowance which falls to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the asset is used for the purpose of that qualifying project.

(3) Where an exemption is granted to a qualifying company under subparagraph 4(1) for a year of assessment, an amount equal to the amount of the allowance referred to in subparagraph 4(1) shall be exempted from tax for that year of assessment.

(4) Where, by reason of the absence or insufficiency of the statutory income, exemption cannot be granted or cannot be granted in full as the qualifying company is entitled under subparagraph 4(1) for that year of assessment, then so much of the statutory income in respect of which exemption cannot be granted for that year of assessment, shall be granted exemption for the first subsequent year of assessment for the basis period for which the qualifying company has statutory income from the qualifying project, and for subsequent year or years of assessment until the exemption is granted in respect of the whole statutory income as the qualifying company is entitled under subparagraph 4(1).

Disposal of asset within five years

6. Where a qualifying capital expenditure is incurred by a qualifying company on an asset used for the purpose of a qualifying project and such asset is disposed of at any time within the period of five years from the date of acquisition of the asset, the exemption granted in respect of the amount of statutory income which is equal to the amount of allowance for such qualifying capital expenditure shall be withdrawn in the basis period for the year of assessment in which the asset is disposed of.

Determination of qualifying capital expenditure for asset disposed to related company

7. (1) Where the qualifying company disposes to its related company any asset in respect of which an exemption is applied by the qualifying company under this Order, the amount of the qualifying capital expenditure incurred by the related company shall be deemed to be a sum equal to zero.

(2) For the purpose of subparagraph (1), “related company” has the same meaning assigned to it in section 2 of the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*].

Withdrawal of exemption

8. (1) The Minister may withdraw the exemption granted under subparagraph 4(1) if the qualifying company fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption.

(2) Where the exemption is withdrawn in accordance with subparagraph (1), the exemption granted in respect of any amount of the statutory income under subparagraph 4(1) shall be deemed to have not been granted to the qualifying company.

Separate source and separate account

9. (1) Where a qualifying company carries on a qualifying project and project other than a qualifying project, each project shall be treated as a separate and distinct source of the project.

(2) The qualifying company who is granted an exemption under subparagraph 4(1) shall maintain a separate account for the income derived from each project referred to in subparagraph (1).

Non-application

10. This Order shall not apply to a qualifying company which in the basis period for the year of assessment—

- (a) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;
- (b) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 in respect of the same qualifying project;
- (c) has been granted an exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act in respect of the same qualifying project; or
- (d) has made a claim for deduction under any rules made under section 154 of the Act except—
 - (i) allowance under Schedule 3 to the Act;
 - (ii) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [*P.U. (A) 129/2006*];
 - (iii) the Income Tax (Deduction for Cost relating to Training for Employees for the Implementation of Goods and Services Tax) Rules 2014 [*P.U. (A) 334/2014*]; or
 - (iv) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2014 [*P.U. (A) 336/2014*].

Made 14 July 2017

[Perb. 0.3865/G/17 JLD.3; LHDN. 01/35/(S)/42/51/82-71; PN(PU2)80/LXXXVII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance

[*To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967*]